



**CERAMAH
ARIF BUDIMAN 6**

**Mengembangkan Bahasa
Melayu di Negara China:
Perjuanganku Belum Selesai**

*15 Oktober 2011
Pusat Bahasa Melayu
Singapura*



PROFESOR WU ZONGYU



BIOGRAFI

Prof. Wu Zongyu dilahirkan di Shanghai China pada 9 Julai 1939. Pada tahun 1956-1961 beliau masuk ke Universiti Beijing (The Peking University) untuk belajar bahasa Indonesia selama lima tahun. Pada tahun 1961, beliau telah ditugaskan untuk menubuhkan Jurusan Bahasa Melayu di Beijing Foreign Studies University (BFSU) dengan tujuan bahasa Melayu dibezakan dengan bahasa Indonesia. Maka sejak tahun itulah Wu telah menjadi pensyarah bahasa Melayu di BFSU hingga sekarang.

Pada 20 hingga 24 Mei 1996, Wu telah mempengerusikan Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu Beijing di BFSU. Pada Jun 2000 Wu telah bekerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Malaysia untuk mempengerusikan Seminar Perbandingan Sastera China-Melayu di BFSU. Pada 30-31 Ogos 2001 Prof. Wu telah bekerjasama dengan Universiti Brunei Darussalam (UBD) untuk mempengerusikan seminar Hubungan China-Brunei di Beijing. Pada tahun 2004, Wu telah mempengerusikan Seminar Persahabatan China-Malaysia dan pada tahun 2005 Wu telah mempengerusikan Seminar Antarabangsa Pemikiran dan Budaya China-Melayu. Pada tahun 2009, Prof. Wu Zhongyu telah mempengerusikan Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu di Beijing.



MENGEMBANGKAN BAHASA MELAYU DI NEGARA CHINA: PERJUANGANKU BELUM SELESAI

Profesor Wu Zongyu

Universiti Pengajian Asing, Beijing (BFSU)

Pengenalan

Pada tahun 1956, saya terpilih masuk ke Universiti Peking untuk belajar bahasa Indonesia. Kenapa saya memilih belajar bahasa Indonesia? Saya cuma tahu bahawa Indonesia negaranya luas dan jumlah penduduknya besar, lebih-lebih lagu Indonesia sangat merdu. Pada masa itu, hubungan China dengan Indonesia sangat baik; banyak lagu Indonesia telah popular di Negara China. Di mana-mana sahaja kita dapat mendengar muzik lagu Indonesia: Ayo Mama, Bengawan Solo, Sin Sin So... dan lain-lainnya. Lima tahun amat cepat berlalu; tahun 1961 saya tamat belajar di Universiti Peking dan diarah bekerja di Universiti Pengajian Asing Beijing atau Beijing Foreign Studies University (BFSU). Pada masa itu, di China semua mahasiswa belajar percuma di universiti dan mereka wajib bekerja untuk negara selepas tamat pengajian.

Satu Lembaran Baharu

Pada bulan September 1961, saya mula mengajar pelajar Indonesia, membantu mereka untuk belajar bahasa Cina. Baharu mengajar dua bulan sahaja, pada suatu hari saya dipanggil oleh dekan fakulti bahasa-bahasa Asia-Afrika petugas jabatan pengajaran BFSU, katanya menurut arahan Kementerian Luar China, BFSU akan menubuhkan Jurusan Bahasa Melayu di bawah Fakulti Bahasa-Bahasa Asia-Afrika. Pihak BFSU akan menjemput pakar bahasa dari Malaya atau Tanah Melayu dan juga akan membeli buku-buku dari Malaya, dan saya akan dilantik sebagai pembantu bakal pakar sahaja. Dengan tidak berlelah-lelah, saya terus menerima tugas baharu itu. Saya mahu menguji kemampuan diri untuk mengatasi kesukaran-kesukaran yang ada, tapi apa yang dikatakan tentang pakar bahasa itu - tidak ada yang datang,



sedangkan pihak fakulti telah diberitahu bahawa 16 orang calon pelajar bahasa Melayu akan tiba pada semester baharu. Saya amat gelisah, terpaksa menunggu sahaja, hari demi hari, bulan demi bulan...tidak ada maklumat.

Cabaran yang Dihadapi

Saya terpaksa menyusun sendiri bahan-bahan pengajaran dan menghadapi perkara-perkara luar jangkaan dan jangkauan: tidak ada bahan rujukan, tidak ada kamus, tidak ada guru, tidak tahu apa bezanya antara bahasa Melayu dengan bahasa Indonesia, dan tidak ada pengalaman dalam pengajaran. Kadang-kadang saya menyediakan bahan pengajaran untuk satu minggu, tapi tiga hari sahaja sudah habis saya ajarkan. Saya selalu berasa gugup di hadapan pelajar, tidak tahu apa yang perlu saya teruskan. Banyak soalan yang tidak dapat saya jawab. Ada murid bertanya apa makna “gula Melaka”, jawab saya: “Gula Melaka ialah gula yang dihasilkan di Melaka.” Apa makna “bunga telur”? Jawab saya: “Bunga telur ialah sejenis bunga yang berbentuk seperti telur.” Untuk mencari intonasi bahasa Melayu yang betul, terpaksa saya mencari siaran Suara Malaya pada tengah malam (kerana pada siang hari siarannya tidak dapat didengar dengan jelas). Saya meniru intonasi juruhebah Suara Malaya seperti belajar menyanyi. Demikianlah saya mengajar anak murid sampai tahun ketiga, saya betul-betul berasa berat kerana kemampuan saya memang terbatas.

Usaha yang Dijalankan

Maka saya terpaksa menulis surat kepada Menteri Ehwat Luar China, Chen Yi, kerana pada masa itu BFSU adalah di bawah pimpinan Kementerian Ehwat Luar China. Pada suatu hari saya menerima surat balasan daripada Kementerian Luar China yang menyatakan bahawa bahawa “kami sudah tahu kamu betul-betul menghadapi kesukaran. Pihak kementerian sedang berusaha untuk mencari pakar bahasa Melayu”. Dan saya diminta terus mengajar dengan tidak mengenal susah payah. Yang mengesalkan kami adalah apa yang dikatakan pakar Bahasa Melayu - masih belum nampak batang hidungnya. Sehingga pada tahun 1996, iaitu sesudah 35 tahun Jurusan Bahasa Melayu ditubuhkan, barulah kami berjaya menerima seorang pakar bahasa Melayu dari Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Malaysia.



Bagi saya, perasaan suka belajar dan minat yang mendalam pada Bahasa Melayu itu semakin bertambah, dan ini berpunca daripada kegigihan kami untuk memperjuangkan perkembangan BM dengan tidak mengenal susah payah! Walaupun saya menghadapi banyak kesulitan, akan tetapi saya juga menikmati kerian hati selepas mengatasi kesukaran. Saya baru mengajar setengah tahun, pelajar saya telah boleh berucap dalam bahasa Melayu di hadapan orang ramai. Pada masa saya mengajar, saya memang sensitif sekali, kerana saya belum pernah ke Malaya dan tidak pasti adakah bahasa Melayu yang saya ajarkan itu betul atau tidak. Daripada pandangan pelajar, saya dapat merasakan keraguan mereka. Cuma untuk menjaga air muka saya, tidak ada satu orang pun yang menyatakan atau menyuarakan keraguan mereka. Akan tetapi saya dapat merasai dan memahami keraguan mereka.

Peluang Mendatang

Pada tahun 1987, sebagai jurubahasa, buat pertama kali saya mendapat peluang untuk melawat Malaysia. Pada masa itu, saya membawa sebuah alat perakam dengan tujuan untuk merakamkan siaran Radio Malaysia supaya dijadikan bahan pendengaran kami. Satu tujuan lain ialah saya ingin mencari seorang pakar bahasa dan meminta beliau merakamkan penilaiannya terhadap bahasa saya. Maka di bawah permintaan saya, seorang pakar bahasa Melayu telah merakamkan pandangan beliau terhadap pertuturan saya dalam bahasa Melayu dan dalam rakaman tersebut itu beliau menyatakan bahawa “sebutan dan bahasa Melayu guru kamu memang betul, jangan ragu-ragu”. Saya amat gembira apabila menerima rakaman itu. Saya terus memperdengarkan rakaman itu dalam kuliah kepada pelajar kami. Betapa suka hati dan betapa bahagianya saya pada masa itu! Saya berasa perjuangan saya tidak sia-sia untuk mengajar bahasa Melayu di China. Kerian hati saya datangnya bukan mudah.

Usaha Menambah Bahan Pengajaran Bahasa Melayu

Untuk mencari bahan pengajaran bahasa Melayu, saya menyimpan semua bahan yang ditulis dalam bahasa Melayu, bahkan termasuk sekeping pembungkus gula-gula!



Untuk merakamkan siaran Radio Malaya, saya selalu tidak tidur, kerana menjaga sebuah radio ketenteraan untuk menunggu suara juruhebah Malaysia yang berkata: “Inilah Radio Malaya”. Mana tahu - mesin radio ketenteraan itu radiasinya sangat kuat sehingga sel putih darah saya boleh jatuh ke bawah 3000!

Untuk membawa buku bahasa Melayu dari Kuala Lumpur ke Beijing saya seorang sahaja pernah membawa lapan kotak buku yang beratnya lebih kurang 200 kilogram.

Untuk mengajar angkatan atau kumpulan pertama Jurusan Bahasa Melayu saya seorang sahaja yang menyusun bahan pelajaran, memberikan kuliah, membimbing pelajar pada waktu lapang atau luang. Boleh dikatakan saya belum berehat walau satu hari pun.

Bahasa Jiwa Bangsa!

Bahasa jiwa bangsa! Betapa tepatnya ungkapan itu mencerminkan hubungan bahasa dengan bangsa. Kami belajar bahasa Melayu, dengan sewajarnya sehingga perasaan kami sudah amat dekat dengan saudara Melayu. Begitu juga sebaliknya. Saya masih teringat pada tahun 1997, Yang Amat Berhormat Dato’ Sri Mohammad Najib (pada masa itu sebagai Menteri Pendidikan Malaysia) melawat ke China. Pada masa itu, saya ditugaskan sebagai jurubahasa. Dalam perjumpaan dengan Perdana Menteri China Li Peng ucapan pertama Dato’ Sri adalah sebagai berikut: “Kami berasa bangga dapat mendengar orang China bercakap dalam bahasa Melayu.” Ucapan Dato’ Sri itu telah meninggalkan kesan yang amat mendalam dalam ingatan saya dan telah menjadi satu dorongan yang amat besar dalam usaha saya mengembangkan bahasa Melayu di China. Begitu juga perasaan kami jikalau kami orang Cina mendengar saudara dari luar negeri bercakap dalam bahasa Cina kami pun akan berasa bangga. Dengan sebab itulah, maka bahasa memainkan peranan penting dalam menjalin hubungan baik antara negara dan antara kaum.



Bahasa Melayu Kekal Relevan

Untuk mengembangkan bahasa Melayu di China, saya tidak boleh berpuas hati dengan hanya boleh mengajar bahasa Melayu sahaja. Menurut pandangan saya, bahasa Melayu bukan bahasa kecil. Jumlah penduduk yang menggunakan bahasa Melayu itu hampir 300 juta lebih. Seiring dengan perkembangan ekonomi dunia Melayu dan seiring dengan meningkatnya martabat kedudukan politik ASEAN, pengaruh bahasa Melayu akan terus diperluas. Kita mesti mempunyai pandangan jauh untuk melihat perkembangan bahasa Melayu di dunia.

Apakah yang Perlu Dilakukan?

Berdasarkan pandangan tersebut, timbullah beberapa pandangan saya: Pertama, kita mesti mementingkan peranan bahasa. Bahasa jiwa bangsa. Menguasai suatu bahasa yang baik bererti kita sudah mendekati jiwa bangsa tersebut. China mahu mewujudkan dunia harmoni dan tentunya China mahu bersahabat dengan dunia Melayu, maka itu China mesti mementingkan pengajaran bahasa Melayu. China sebagai negara besar mestilah mengembangkan bahasa Melayu untuk diselaraskan dengan perkembangan politik baharu dunia kita ini. China mesti menyediakan sejumlah besar orang berbakat yang tahu bahasa Melayu. Seiring dengan situasi kedudukan China semakin meningkat di dunia kita sekarang ini, China amat perlu menyediakan sejumlah orang berbakat yang mahir bahasa Melayu. Kami perlu menyediakan tenaga berbakat mulai sekarang.

Kedua, kami perlu memupuk tenaga yang mahir dalam dua bahasa asing, iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Mengingat kenyataan bahawa bahasa Inggeris menjadi bahasa asing yang penting di rantau Asia Tenggara dan global dan kebanyakan pegawai kerajaan menggunakan bahasa Inggeris, dan mengingat kenyataan bahawa dalam kegiatan ekonomi antarabangsa kebanyakan negara menggunakan bahasa Inggeris, maka pelajar kami patut menguasai bahasa Inggeris. Jikalau tidak, pelajar kami akan menghadapi kesukaran dalam mencari kerja selepas tamat belajar nanti. Akan tetapi penekanan kepada bahasa Inggeris sedikit pun tidak bererti kita memandang rendah kepada bahasa Melayu. Maksud saya, kita perlu menguasai bahasa Inggeris untuk berkomunikasi dengan orang asing, tapi janganlah lupa memelihara martabat bahasa Melayu. Kita sekali-



kali jangan memandang rendah kepada bahasa Melayu! Bahasa Melayu indah, bahasa Melayu kaya dengan budaya, pantun, peribahasa, perumpamaan, sajak, syair...sedikit pun tidak kalah jika dibandingkan dengan bahasa Inggeris. Maka itu, saya berharap anak murid kami menguasai dua bahasa. Bagi pelajar Cina di Jurusan Bahasa Melayu, mereka perlu menguasai tiga bahasa, iaitu bahasa Cina, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Bahasa Cina ialah bahasa ibunda bagi bangsa Cina, dan bahasa rasmi negara China. Bagi orang Cina dia mesti menggunakan bahasa Cina dalam arena antarabangsa walaupun dia fasih dalam bahasa Inggeris.

Kepentingan Mempelajari Pelbagai Bahasa

Maka itu, bagi pelajar Cina dia mesti mementingkan penggunaan bahasa Cina. Menurut sistem pendidikan Cina, mata pelajaran bahasa Cina dijadikan sebagai mata pelajaran wajib yang penting dari tahun satu sekolah rendah hingga ke universiti. Kedua, pelajar kami yang memilih Jurusan Bahasa Melayu mesti boleh menguasai bahasa Melayu dalam jangka masa empat tahun di BFSU. Mereka mesti lulus dalam peperiksaan Bahasa Melayu dan dengan demikian mereka baru boleh mendapat ijazah sarjana muda. Ketiga, pelajar kami dikehendaki untuk menguasai bahasa Inggeris. Hal ini disebabkan oleh semakin pentingnya bahasa Inggeris, terutamanya pada zaman globalisasi sekarang ini, keperluan perkembangan ekonomi dunia semakin luas, bahasa Inggeris semakin penting dalam pergaulan masyarakat antarabangsa. Menguasai tiga bahasa, tugas ini memang berat bagi pelajar Cina tapi kami mesti berani menghadapi cabaran zaman.

Membina dan Melatih Pelajar Berbakat

Keempat, kami perlu memupuk tenaga berbakat yang bukan sahaja mahir dalam bahasa, tetapi juga mahir dalam bidang-bidang lain seperti berani menghadapi cabaran dengan semangat tak kenal susah payah, mereka mesti mempunyai keyakinan kepada diri sendiri. Kami mesti menggembeleng diri sebagai manusia berbakat! Dengan tujuan ini kami telah mengambil beberapa tindakan yang berkesan sebagai berikut:



Melatih Semangat Berkhidmat kepada Rakyat

Kami pernah melatih pelajar kami untuk menghantar susu ke rumah pensyarah. (Keterangan: pada zaman 80-an di China jikalau sesiapa memesan susu maka dia mesti setiap hari pergi berbaris untuk mengambil susu yang dipesannya). Dengan demikian pelajar kami telah memupuk diri dalam semangat berkhidmat kepada rakyat dan tentu juga telah melatih diri dalam latihan jasmani.

Menyediakan Peluang untuk Melatih Daya Kerja

Untuk menyediakan peluang bagi pelajar, kami meningkatkan daya kerja. Pada tahun 1989, saya telah membawa sepuluh orang pelajar mempraktikkan bahasa ke Syarikat Pelancongan Beijing selama tiga bulan. Kami pernah berkhidmat untuk 200 rombongan pelancong. Semua pelajar berasa dirinya telah mendapat latihan di luar dugaan mereka. Bukan sahaja mereka telah mempraktikkan bahasa, tetapi mereka juga telah melatih diri dalam kemampuan pengelolaan program lawatan, mengurus kes secara spontan, mengurus hubungan antara manusia dan lain-lainnya.

Mengadakan Seminar untuk Mencipta Komuniti Bahasa

Kekurangan atau kecilnya komuniti bahasa Melayu di China merupakan satu hambatan atau kekurangan besar bagi pelajar kami. Mereka merungut, “belajar bahasa Melayu selama 4 tahun di BFSU, tetapi masih belum pernah nampak wajah saudara Melayu - entah bagaimana batang hidung mereka?”. Mengingat kenyataan ini, maka pada tahun 1996 kami mengadakan Seminar Antarabangsa Bahasa Melayu Beijing di BFSU. Kami telah menjemput 200 orang lebih sarjana bahasa Melayu dari belasan buah negara, iaitu Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura, Thailand, Jepun, Korea Selatan, Jerman, British, Perancis, Belanda dan lain-lainnya. Di antaranya terdapat lebih daripada 100 peserta datang dari Malaysia. Dua puluh orang pelajar kami menjadi tenaga utama, mereka ditugaskan untuk menjadi jurubahasa, menjadi pemandu pelancong, menjadi pemain persembahan kesenian, dan menjadi pembantu pengerusi seminar. Mereka sangat rajin bekerja, berjuang dengan tak kenal susah payah.



Dalam latihan amali ini pelajar kami telah mendapat latihan dan mencapai kemajuan besar, bukan sahaja dalam bahasa tetapi juga dalam kemampuan melaksanakan tugas. Juga dalam seminar ini Dato' Najib, Menteri Pendidikan Malaysia pada masa itu mengumumkan atas nama kerajaan Malaysia, bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia akan menjemput pelajar Bahasa Melayu kami untuk melawat ke Malaysia selama satu bulan. Pengumuman Dato' Najib telah memberi dorongan besar kepada kami dan sejak itu setiap angkatan pelajar Bahasa Melayu kami sudah mendapat peluang untuk melawat ke Malaysia. Mengelolakan pelajar untuk ikut serta dalam seminar itu telah menjadi pengalaman penting bagi kami untuk mendorong pelajar kami lebih aktif dalam pembelajaran bahasa Melayu. Dari tahun 1996 sampai tahun 2009 kami telah mengadakan tujuh seminar antarabangsa pengajian Melayu di BFSU. Terutamanya pada tahun 2009, iaitu pada tanggal 30 Mei hingga 3 Jun tahun 2009, di BFSU telah diadakan sekali lagi persidangan antarabangsa dan telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak. Dengan penglibatan diri dalam penganjuran seminar antarabangsa, pelajar kami berasa amat bangga, sedangkan pelajar jurusan bahasa lain berasa iri hati.

Menjalankan Sistem 7+1

Di BFSU semua pelajar perlu belajar 8 semester. Makna sistem 7+1 ialah 7 semester belajar di BFSU dan satu semester belajar di Universiti Malaya (UM). Pada tahun 2007 dan tahun 2008 kami telah menghantar dua kumpulan pelajar Cina ke Akademi Pengajian Melayu, UM untuk belajar bahasa, sastera dan budaya Melayu. Pada mulanya, pelajar kami mengalami sedikit kesukaran untuk mengikuti kuliah sebab keadaannya agak lain dengan kuliah di China. Di China, kalau pelajar tidak faham maksud suatu perkataan baharu, pensyarah Cina boleh memberi penjelasan dalam bahasa Mandarin sedangkan di UM pelajar kami terpaksa berusaha sedaya upaya untuk memahami penjelasan pensyarah. Betapa susahnyanya pada permulaannya tetapi lama kelamaan daya dengar pelajar kami meningkat dengan cepat. Begitu juga dengan daya lisan dan daya menulis. Ada pelajar memberitahu saya bahawa satu hari bertukar fikiran dengan saudara Melayu dalam bahasa Melayu jumlah latihannya jauh banyak daripada latihan lisan satu semester di China.



Homestay di Malaysia

Dua puluh tahun dahulu, hubungan China dengan Malaysia masih diliputi dengan suasana syak wasangka. Pada masa itu susah dibayangkan bahawa kerajaan Malaysia dapat membenarkan pelajar-pelajar dari China tinggal di rumah kampung Melayu. Kami selalu dicap “dari China komunis”. Akan tetapi selepas dua puluh tahun kemudian, keadaan sudah berubah sama sekali. Hubungan dua negara kita ini semakin akrab. Akademi Pengajian Melayu UM telah mengatur pelajar kami mengikuti program *homestay* atau inap desa di kampung Melayu. Pelajar-pelajar kami telah tinggal di kampung Melayu sebagai anak angkat kepada ibu bapa saudara Melayu. Pelajar-pelajar kami disambut dengan meriah dan mesra. Dengan demikian, pelajar kami lebih mendalami adat istiadat dan tatasusila Melayu di kampung Melayu. Yang penting dalam sanubari pelajar kami ialah benih persahabatan telah disemai. Apabila tiba waktu berpisah semua orang menangis. Perpisahan yang sangat mengharukan itu telah meninggalkan satu kesan yang susah dihapuskan dalam ingatanku. Untuk membantu pelajar kami menambah pengetahuan kepada masyarakat Melayu, *homestay* adalah suatu jalan yang baik lagi berkesan. Kami berharap kerjasama kami dengan Akademi Pengajian Melayu UM ini dapat diteruskan.

Membantu Saudara Melayu Belajar Mandarin

Seperti diketahui umum, China telah menjalankan dasar terbuka selama 30 tahun. Dalam jangka masa 30 tahun itu, China telah mengalami perubahan seperti bumi dengan langit. 30 tahun dahulu, bangunan bertingkat 12 di Beijing sudah menjolok mata, tetapi sekarang di seluruh China di mana sahaja boleh dilihat bangunan pencakar langit. Dalam menghadapi krisis ekonomi dunia sekarang ini, seluruh dunia menumpukan perhatian sepenuhnya kepada China dan ramai ahli ekonomi menaruh harapan kepada kemajuan ekonomi China. Begitu juga seperti di Malaysia, banyak perusahaan Malaysia yang terkenal, seperti Sime Darby, UMW, Parkson dan lain-lainnya telah masuk ke pasaran China. Kerajaan Malaysia pun sudah mulai menaruh perhatian kepada China. Kalau 5 tahun dahulu apa yang dikatakan “Pandang Ke Timur” maknanya adalah pandang ke Jepun atau Korea Selatan. Tetapi sekarang Malaysia sudah mulai memandang ke China. Sekarang sudah ada lebih daripada 200 orang pelajar Melayu sedang



belajar Mandarin di BFSU. Memandang perkembangan ini, Pusat Pengajian Melayu China di BFSU telah aktif melibatkan diri dalam membantu pelajar-pelajar Melayu di BFSU, bukan sahaja membantu mereka belajar Mandarin, tetapi juga membantu mereka supaya mereka dapat cepat menyesuaikan diri dalam penghidupan di Beijing. Kami telah mengatur pelajar Cina yang belajar bahasa Melayu untuk beregu dengan saudara Melayu ini supaya mereka saling belajar dalam regu. Dengan demikian bukan sahaja membantu saudara Melayu belajar Mandarin tetapi juga telah mendorong kemajuan dalam kemahiran lisan Melayu bagi pelajar-pelajar kami.

Semangat Patut Dikobarkan, Tidak Patut Dipadamkan

Apabila saya menerima tugas untuk membentuk jurusan bahasa Melayu di China, saya sudah menegakkan keyakinan dalam hati: saya mesti berusaha untuk menjadikan bahasa Melayu di BFSU sebagai suatu jurusan bahasa yang harum namanya. Saya telah mengambil inisiatif untuk berhubung dengan kedutaan Malaysia di Beijing supaya kami mendapat bantuan daripada kedutaan Malaysia di Beijing. Sejak itulah Kedutaan Malaysia selalu menjemput pelajar kami ikut serta dalam aktiviti perayaan-perayaan Hari Kemerdekaan, Perayaan Hari Raya Aidilfitri dan lain-lainnya. Pelajar kami mendapat dorongan daripada aktiviti-aktiviti itu dan mereka berasa bangga mendapat jemputan dan turut serta dalam perayaan-perayaan itu. Pelajar jurusan bahasa lain iri hati kepada kami.

Untuk meningkatkan minat dan melatih kemampuan pelajar, saya dengan aktif berhubung dengan berbagai-bagai lapisan masyarakat Melayu di Malaysia dan di mana sahaja kami mendapat sambutan meriah. Kami pernah beramah-tamah dengan GAPENA, kami pernah melawat ke DBP, kami pernah mengadakan kunjungan hormat kepada tokoh-tokoh politik Malaysia yang ternama, seperti Tun Dr. Mahathir, Tun Abdullah Badawi, Dato' Sri Mohd Najib dan menterimenteri lain. Yang amat membanggakan kami ialah Dato' Sri Mohd Najib telah empat kali melawat BFSU. Sampai sekarang pun pujian kepada Pusat Pengajian Melayu China masih terngiang-ngiang di telinga saya, lawatan bersejarah itu telah terukir dalam sejarah BFSU. Apabila pelajar kami berasa bangga belajar bahasa Melayu di China, nama Malaysia dan nama bahasa Melayu akan bersemarak ke merata China.



Situasi Persaingan Boleh Mendorong Kami Maju

Pelajar kami berasa cukup bangga dan mereka selalu dipuji oleh tamu Melayu dari Malaysia. Pada masa itu saya mengambil keputusan untuk melawat ke Selatan China kerana saya telah mendapat jemputan daripada Universiti Etnik Guangxi. Provinsi Guangxi adalah satu provinsi yang penting dalam hubungan China dengan negara-negara ASEAN. Universiti Etnik Guangxi telah mengambil keputusan untuk menubuhkan jurusan bahasa Melayu, akan tetapi mereka kekurangan tenaga pengajar. Dengan tidak lengah-lengah lagi saya terus pergi ke provinsi Guangxi untuk membantu mereka. Sayalah menjadi pensyarah yang membuka kuliah pertama untuk pelajar-pelajar mereka. Sekarang pelajar di Guangxi amat aktif dalam pembelajaran dan di bawah bantuan saya tidak lama lagi seorang pakar dari DBP akan menunaikan tugas ke sana.

Ramai orang tidak faham, nama Jurusan Bahasa Melayu di BFSU sudah cukup harum, pelajar jurusan lain sudah iri hati, kami patut mempertahankan nama baik ini kenapa pula kami pergi membantu universiti lain? Pandangan saya lain pula dengan mereka: di China kalau hanya ada jurusan bahasa Melayu di BFSU maka pelajar di BFSU akan berasa puas hati, fikiran mereka akan picik macam katak di bawah tempurung. Apabila ditegakkan satu sasaran persaingan di hadapan mereka maka barulah mereka insaf. Wah! di dunia ini masih ada persaingan, barulah mereka akan insaf, kami tidak boleh puas hati.

Bukan sahaja di provinsi Guangxi, di provinsi Yunnan pun telah didirikan jurusan bahasa Melayu, saya akan turut juga membantu mereka. Apa yang membanggakan kami ialah guru pertama bahasa Melayu di universiti-universiti tersebut ini ialah tamatan BFSU!

Di hadapan soal maju atau mundur kita perlu mempunyai pandangan dialektika. Jangan takut persaingan, persaingan akan mendorong kita maju dan jika hal sebaliknya berlaku, kita akan mundur.



Bersatu-padu Diutamakan

Mengingat kejayaan kami dalam memperjuangkan perkembangan BM di China, sudah jelas kenyataannya bahawa kejayaan kami bukan datang dari kejerihpayahan saya secara peribadi sahaja. Hasilnya datang daripada ketekunan semua pelajar, datang daripada pengorbanan semua pensyarah, terutamanya daripada kesungguhan sahabat kami, Prof. Dr. Awang Sariyan.

Saya tidak akan melupakan betapa tekunnya pelajar kami. Mereka sangat aktif dalam kegiatan-kegiatan jurusan bahasa Melayu, kadang-kadang mereka bekerja sampai jauh malam bahkan dua hari tidak tidur, mereka boleh tertidur di mana sahaja kerana mereka terlalu letih dan mengantuk.

Saya pun tidak akan melupakan sokongan rakan-rakan saya dalam kegiatan-kegiatan Pusat Pengajian Melayu BFSU. Mereka sangat aktif bahkan sampai meninggalkan kerja rumah sendiri. Ada satu ketika, kami sibuk mengadakan persiapan hingga pukul empat pagi untuk menyambut lawatan Perdana Menteri Malaysia. Boleh dikatakan bahawa tanpa sokongan mereka Pusat Pengajian Melayu China tidak akan mencapai hasil seperti sekarang ini.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada sahabat kami yang karib, Prof. Dr. Awang Sariyan. Sebagai penyandang Kursi Pengajian Melayu yang pertama dihantar oleh kerajaan Malaysia, beliau telah bekerja bertungkus-lumus dan telah dengan aktif membantu kami menjalin hubungan dengan institusi-institusi di Malaysia. Beliau sarat dengan pengetahuan bahasa Melayu tetapi orangnya amat rendah hati. Maka beliau telah mendapat banyak pujian daripada rakan-rakan Cina. Boleh dikatakan bahawa kejayaan perkembangan bahasa Melayu di China itu tidak terpisahkan dengan ketekunan beliau. Kami sangat berharap supaya kerjasama kami yang amat erat dan aktif ini dapat diteruskan sepanjang masa.

Di Singapura, para pelajar bahasa Melayu dan orang-orang Melayu di Singapura khususnya mesti terus menggunakan bahasa Melayu. Cintailah bahasa ibunda kita kerana bahasa ialah alat yang paling penting untuk mengekalkan identiti



bangsa kita. Gunakanlah peluang dan sokongan yang diberikan dengan cara yang paling baik untuk meluaskan sekitaran penggunaan bahasa Melayu. Kedudukan Singapura di kawasan dunia Melayu memberikan peluang yang terbaik untuk rakyat Singapura terus menggunakan bahasa Melayu dengan orang-orang Malaysia, Indonesia dan Brunei. Tetapi yang lebih penting ialah kuatkan hati dan cinta kita pada bahasa kita sendiri.

Kesimpulan

Mulai dari tahun 1956 saya masuk ke Universiti Peking untuk belajar bahasa Indonesia sampai tahun ini, saya sudah memperjuangkan perkembangan bahasa Melayu di China selama lebih 50 tahun. Dengan perjuangan saya bersama-sama dengan rakan-rakan, perkembangan bahasa Melayu telah mencapai hasil yang memuaskan, pelajar kami semakin bertambah, menurut statistik:

Tahun	Jumlah Pelajar
1962	16
1965	15
1973	8
1984	10
1990	13
1994	20
1996	20
1998	20
2001	24
2002	24
2005	23
2006	23
2008	16
2010	15



Sudah nyata jumlah pelajar sudah bertambah di BFSU. Sedangkan di seluruh negara China di bawah sokongan Pusat Pengajian Melayu China provinsi Guangxi telah menubuhkan jurusan bahasa Melayu dan pada tahun 2008 telah menerima 19 orang pelajar, di Provinsi Yunnan sudah ditubuhkan juga jurusan bahasa Melayu pada tahun 2010 dan pada tahun 2011 mereka sudah menerima 79 pelajar untuk belajar bahasa Melayu.

Saya berasa syukur dapat melihat perkembangan bahasa Melayu yang memuaskan. Pada pandangan saya, seseorang yang hidup di dunia ini mesti ada matlamatnya dan mesti memperjuangkan matlamatnya dengan gigih. Bagi saya, memperjuangkan matlamat mengembangkan bahasa Melayu di China sudah menjadi matlamat hidup saya – darah daging saya.

Ketekunan bekerja sepanjang 50 tahun ini telah membawa kesan pada kesihatan saya. Pada suatu waktu saya pergi berjumpa doktor. Doktor mahu menahan saya duduk di rumah sakit untuk diperiksa, akan tetapi saya masih ada kerja belum diselesaikan, maka doktor bertanya, “kamu mahu usaha atau nyawa?”. Saya jawab, kedua-dua saya mahu kerana tanpa usaha hidup di dunia ini tidak akan bererti, dan tanpa nyawa bagaimana saya dapat menjalankan usaha. Nampaknya perjuangan saya belum selesai dan perjuangan saya tidak akan selesai...

